



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission

PELAKSANAAN HARGA MINIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENGHANTARAN SURAT DI BAWAH 500 GRAM

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ('MCMC') dengan ini menetapkan seperti berikut:

Harga Minimum

1. Semua pemegang lesen Perkhidmatan Kurier yang menawarkan perkhidmatan penghantaran surat di bawah 500 gram, hendaklah mengenakan harga tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Sahaja (RM 5.00)** tidak termasuk cukai bagi setiap penghantaran satu surat.

Tarikh Kuat Kuasa Harga Minimum

2. Pelaksanaan harga minimum bagi setiap penghantaran surat di bawah 500 gram seperti Perenggan 1 di atas adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2015**.

Perubahan atau Pembatalan Harga Minimum

3. Pelaksanaan harga minimum seperti di Perenggan 1 di atas akan terus berkuat kuasa melainkan diubah atau dibatalkan oleh MCMC.

TOH SWEE HOE

Ketua Pegawai Kawalselia Industri

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

b.p. Pengerusi

15 Disember 2014